

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Malaysia,  
(Chawangan Naik Pangkat &  
Tatatertib)  
Bangunan Penerangan,  
Jalan Mountbatten,  
Kuala Lumpur.

27hb. Oktober, 1971.

#### **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1971**

**Tuan,**

#### **Peranan Pegawai2 Daerah dalam Gerakan2 Sukarela**

Ada-lah saya di-arah mema'alomkan bahawa akhir2 ini banyak keraguan telah di-suarakan oleh pihak2 tertentu mengenai peranan yang harus dimainkan oleh Pegawai2 Daerah dalam gerakan2 sukarela. Sebagaimana yang di-harapkan, di-masa2 yang lepas Pegawai2 Daerah, sebagai Ketua dan pembimbing masyarakat di-daerah mereka masing2, senantiasa berkechimpong dalam serba kegiatan, baik sukarela mahu pun resmi, yang berlaku di-daerah2 itu. Perlibatan mereka itu bukan sahaja setakat memberi sokongan dan dorongan kepada pertubohan2 sukarela itu, tetapi juga dengan menjadi penaong, pengerusi atau ahli2 biasa dalam pertubohan tersebut. Penyertaan dan kedudukan mereka yang sedemikian-lah yang seringkali di-salah-tafsirkan terutama dalam hal2 yang berkaitan dengan pungutan derma dan lain2 sumbangan daripada orang ramai.

2. Memandang kepada kedudukan rumit yang di-alami oleh Pegawai2 Daerah maka satu ketetapan telah di-buat ia-itu sementara Pegawai2 Daerah maseh lagi di-kehendaki memainkan peranan mereka dalam gerakan2 sukarela, perlibatan mereka dalam gerakan2 ini hendak-lah di-ator

supaya tidak menyalahi tugas2 dan tanggung-jawab mereka sebagai Pegawai2 Kerajaan. Di-mana pertelingkahan berlaku di-antara perjalanan tugas resmi dan kegiatan sukarela mereka, maka mereka tidak-lah patut bertolak ansor dalam menjalankan tugas2 resmi itu.

3. Ketetapan ini bukan-lah bermaksud untuk menghadkan peranan2 sukarela yang patut dimainkan oleh Pegawai2 Daerah selaku pemimpin masharakat di-daerah mereka, tetapi sebagai satu panduan kasar yang patut di-ikuti oleh semua agar nama baik mereka tidak akan terjejas akibat salah-tafsiran mengenai kegiatan mereka dalam gerakan2 sukarela.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. HASSAN BIN MOHD. HASHIM)  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua2 Setiausaha Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

Salinan: Y.B. Setiausaha2 Kerajaan Negeri  
(Malaysia Barat)